


KEMBARA KOTA DAN BUDAYA

KEMBARA PADA KALI INI, PENULIS BERPELUANG MENGIKUTI ROMBONGAN KUMPULAN PENULIS KEMBARA SASTERA YANG DIKETUI OLEH MUKHTAR MUSTAFA KE YOGYAKARTA, INDONESIA. PENGEMBARAAN KAMI KE SANA DISYORKAN OLEH PENGASAS PUISI SONIAN, SONI FARID MAULANA, SETELAH MUKHTAR DAN MAZLI HUSMA MENERIMA PENGIKTIRAFAN ATAS KEJAYAAN MEREKA UNTUK MENGAJARKAN KAMI PUISI SONIAN, SONIGRAF DAN LAIN-LAIN GENRE SASTERA. TAMBAHAN PULA, MAZLI HUSMA MENDAPAT UNDANGAN DARIPADA PIHAK UNIVERSITI AHMAD DAHLAN UNTUK MEMBERIKAN KULIAH UMUM SASTERA YANG MELIBATKAN MALAYSIA. SECARA KEBETULANNYA, DR. RINA RATIH SELAKU PENYELARAS JEMPUTAN MERUPAKAN KENALAN PENYAIR TERKENAL SONI FARID MAULANA.

Dari pesawat, kami tidak melepaskan peluang memerhati keindahan gunung Merapi dan Merbabu yang diselaputi awan putih sebening sutera. Petang itu cuaca cerah dan indah sekali. Rombongan yang terdiri daripada lapan orang, iaitu penulis, Mukhtar Mustafa, Mazli Husma, Naleida, Anita, Saharisa dan Nik Zainun, selamat tiba di lapangan terbang Adisut Jitpo Yogyakarta pada pukul 3.35 petang. Lapangan terbang ini kecil dan sempit sahaja, sedangkan orang yang keluar dan masuk berurusan dengan negara ini agak ramai. Penulis dikhabarkan bahawa terdapat sebuah lagi lapangan terbang yang baharu dalam proses pembinaan tidak jauh dari situ dan dijangka siap beberapa bulan sahaja lagi.

Kang Yanto, kenalan Mukhtar Mustafa yang pernah dikenalnya sewaktu ke Bandung dahulu, setia menunggu kami bersama-sama sebuah van yang mampu memuatkan sekitar lapan orang penumpang. Pada awalnya penulis berasa agak ragu-ragu melihatkan keadaan van yang kecil itu. Dalam hati tertanya-tanya di mana mahu diletakkan beg besar yang kami bawa ini? Rupa-rupanya Kang Yanto sangat pandai menyusun beg-beg tersebut dan kami dapat duduk walaupun dalam keadaan agak sempit.

Perjalanan untuk sampai ke hotel Amaris, Jalan Diponegoro agak jauh juga. Laluan tersangat sibuk, terutamanya oleh



Candi Borobudur menjadi tarikan pelancong dan pengkaji sejarah kerana keunikan dan keunggulannya.

SASTERA

di Yogyakarta



Penulis bersama-sama ibu Rina Rateh, Mazli Husma dan Mukhtar Mustafa dalam program bicara sastra Malaysia.



Pertemuan secara kebetulan dengan warga pekerja kerajaan Indonesia.

motosikal yang dibawa laju. Di sini memerlukan ketelitian dan kesabaran semasa mengendalikan kenderaan. Penulis berasa risau apabila melihat motosikal yang dibawa dalam keadaan yang berbahaya. Penunggang motosikal di sini gemar berhenti dengan rapat sewaktu lampu merah menyala dengan kenderaan kami. Setiap jalan yang dilalui semuanya sibuk dengan kenderaan yang memenuhi jalan, di samping kelihatannya begitu tergesa-gesa untuk sampai ke destinasi masing-masing.

Pada sebelah malam, kami dibawa oleh Kang Yanto bersiar-siar di pinggir kota. Kami berkunjung ke kawasan pasar malam tempat orang bersantai menikmati makanan bertemankan lampu neon yang samar-samar. Terasa kagum apabila melihat kerangka kenderaan sebesar kereta kancil diubah suai dan dihias dengan pelbagai lampu untuk membawa

penumpang berarak mengelilingi jalan di situ. Banyak pula kanak-kanak yang bersorak riang setelah duduk dalam kereta tersebut sambil melambai-lambai kepada pejalan kaki di sepanjang jalan yang mereka lalui. Penulis terfikir alangkah bagusnya jika di negara kita mempunyai aktiviti sedemikian. Sangat kreatif dan menjadi satu daripada daya tarikan pelancong.

Setelah menjamu selera masakan Minang, kami kembali ke hotel untuk berehat. Lebih kurang setengah jam kemudian, Mukhtar Mustafa memanggil penulis kerana menerima kunjungan dari penulis Indonesia bernama Choen Supriyatmi yang ditemani suaminya. Kami bertukar-



Kerabat diraja menggayakan pakaian tradisi yang menjadi kebanggaan mereka sejak turun-temurun.



Pasu bunga porselin yang terdapat di dalam muzium karaton Ngayogyakarta Hadiningrat.



Tanduk kerbau yang panjang yang terdapat dalam muzium tersebut.

tukar buku. Choen menghadiahkan penulis dua buah buku puisi Di Antara Perempuan, sementara penulis pula menghadiahkannya sebuah buku pantun dan sebuah buku sonigraf yang diselenggara oleh Tabir Alam.

Penulis tinggal sebilik dengan Anita. Bagi penulis, tidak ada masalah dalam rombongan ini walaupun hanya penulis sahaja berbangsa Cina Peranakan. Hal ini dikatakan demikian kerana penulis cukup memahami budaya, adat resam dan sensitiviti orang Melayu. Penulis membesar di perkampungan Melayu dan tidak janggal bergaul dengan mereka. Kami cukup akrab dan gemar bersembang seputar dunia sastera sebelum mengulit mimpi nan syahdu melepaskan lelah seharian dalam perjalanan.

Pada keesokannya, pagi-pagi lagi kami sudah berkumpul untuk ke destinasi pertama kembara ini. Seperti yang dijanjikan, hala tuju pertama kami ialah Universiti Ahmad Dahlan yang mempunyai tujuh cawangan dan 28 ribu pelajar dari seluruh Indonesia yang mengikuti pelbagai kursus di universiti ini. Kami disambut

oleh Ibu Rina Rateh bersama-sama ratusan pelajar yang meminati bidang kesusasteraan. Di sini, penulis dapat melihat betapa bidang sastera diterima baik oleh pelajar Indonesia. Mereka begitu bersemangat mengajukan soalan demi soalan yang dijawab oleh Mazli Husma dan Mukhtar Mustafa. Penulis turut diundang oleh Ibu Rina Rateh untuk berkongsi pengalaman tentang apa-apa yang mendorong untuk menulis. Usai bicara sastera, kami dipelawa menikmati hidangan makan tengah hari sambil menyaksikan persembahan lagu puisi yang menarik daripada pelajar.

Seterusnya, kami bergerak ke Tepas Pariwisata Karaton Ngayogyakarta Hadiningrat yang terletak di tengah-tengah kota Yogyakarta. Kawasan ini menempatkan bangunan istana bersejarah peninggalan Sri Sultan Hamingku Buwono VIII. Penulis berkesempatan meninjau keindahan muzium di sana dan melihat pelbagai barangan antik yang menarik perhatian, serta tidak melepaskan peluang untuk merakam gambar sebagai

kenangan. Antara barangan yang menarik perhatian termasuklah sebuah pasu tembikar berupa vas bunga daripada porsalin berbentuk kelopak bunga, berhias patung lelaki bersama-sama dua ekor anjing, dan sebuah pasu panjang yang tinggi buatan seramik, kakinya berwarna hijau berhiaskan lukisan bunga dan pohon.

Di samping itu, terdapat juga lampu listrik yang diperbuat daripada tanduk kerbau yang berhiaskan patung, manakala bahagian kepala penyangga diperbuat daripada bahan kristal berlakaran bunga. Di sini juga dipamerkan pakaian dan gambar-gambar kaum kerabat di raja. Di bahagian belakang muzium, terdapat beberapa kaum ibu yang sedang leka mewarnakan kain batik. Batik ini bermutu tinggi dan harganya mencecah ratusan Ringgit Malaysia.

Kemudiannya, kami meneruskan perjalanan ke pinggir hutan pokok pain yang terletak di kaki gunung Kidul. Di sini, terdapat banyak pokok yang tirus menjulang ke awan dan juga pokok kayu barus. Beberapa orang lelaki berada di pondok kecil menunggu untuk mengambil gambar pengunjug dengan harga tertentu. Orang di sini begitu kreatif, mereka mencipta beberapa bentuk, contohnya jejari manusia yang diperbuat daripada rotan atau akar-akar kayu di tempat strategik, untuk menarik perhatian pengunjug untuk bergambar di sana. Di bawah bentuk tangan atau jejari itu terdapat curam yang sangat dalam dan mengerunkan jika kita pandang dari atas. Penulis tidak berani berada di tempat itu dan melepaskan sahaja peluang untuk bergambar, hanya meminta jasa baik Kang Yanto untuk merakamkan beberapa keping gambar di pinggir cenunam tersebut.

Dalam perjalanan pulang dari hutan pokok pain, kami sempat

menyaksikan fenomena matahari tenggelam di langit kirmizi. Matahari menyilaukan cahaya berwarna jingga di sebuah padang nan luas. Cuaca terlalu baik di sepanjang perjalanan berpuluh batu untuk sampai ke hotel. Terdapat begitu banyak masjid yang terbina dalam jarak yang tersangat dekat antara satu sama dengan lain. Terdapat kira-kira tujuh atau lapan masjid yang kami temui di sepanjang perjalanan antara hutan pokok pain dengan tempat kediaman kami.

Pada hari kedua, kami begitu bersemangat menuju ke candi Borobudur, iaitu tempat yang menakjubkan dan suci bagi penganut beragama Buddha. Setelah membayar sejumlah wang untuk mendapatkan tiket, kami mula memanjat anak tangga demi tangga untuk sampai ke puncak. Cuaca begitu panas terik. Terdapat banyak pengunjung, terutamanya yang berbangsa Melayu datang melawat ke sini dari seluruh kepulauan Indonesia. Sekiranya berasa panas, payung dapat disewa daripada penjaja sekitar sini, selain barang-barang perhiasan, pakaian dan lain-lain. Yang paling merimaskan ialah apabila para penjaja dan jurufoto yang saban waktu

mengekori kami di sini. Penulis begitu asyik melihat ukiran di dinding Borobudur dan terdapat tulisan arahan tidak membenarkan pengunjung duduk di atas tembok atau batu-batuan tersebut. Namun begitu, banyak pengunjung tidak mematuhi arahan dan mereka duduk sambil bergambar sewenang-wenangnya. Di dinding dan bangunan Borobudur terukir imej Buddha dan menjadi satu keperluan untuk penulis menghormati arahan tersebut.

Kami perlu naik dan turun melalui tangga yang berlainan yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan Borobudur. Terdapat anak panah dengan arahan tertentu yang perlu dipatuhi oleh pengunjung. Dalam perjalanan turun, penulis menyedari bahawa tapak kawasan candi Borobudur sememangnya sangat luas. Semasa menuruni tangga, jurugambar yang merakamkan gambar kami tadi menunggu kami dengan gambar yang dimasukkan ke dalam sampul. Harga sembilan Ringgit Malaysia untuk sekeping gambar yang berukuran sepuluh inci kali lapan

inci. Penulis membayarnya untuk tiga keping gambar. Yang selebihnya, kami rakam menggunakan telefon sendiri sebagai kenang-kenangan.

Selesai makan malam, kami dibawa menikmati suasana membeli-belah di Jalan Malioboro. Satu lorong yang sangat sibuk dengan toko-toko menjual pakaian, beg, barangan perhiasan dan beraneka macam barangan. Beberapa ekor kuda berpedati sedang berdiri tegak setia menanti pengunjung untuk bersiar-siar sekitar kota. Banyak bangku kayu panjang yang disediakan untuk pengunjung duduk sambil menikmati udara nyaman di sini. Penulis duduk di bangku sambil menyaksikan pemandangan sibuk kenderaan yang bersimpang-siur menuju destinasi masing-masing, setelah penat membeli beberapa helai pakaian untuk dibawa pulang keesokan hari. Yang menariknya di sini, banyak tukang-tukangurut menawarkan perhidmatan mengurut kaki, khususnya bagi pengunjung yang kelenguhan setelah penat berjalan. Mereka turut menyediakan minyakurut dan sebidang tikar getah yang dihampar untuk melapik kaki kita ketika diurut. Penulis berasa seronok memerhatikan gelagat rakan kami yang mendapatkan perhidmatan tukangurut ini. Katanya bagus dan berkesan juga.

Pada keesokannya, kami dijemput oleh Kang Yanto untuk bersarapan dan terus ke lapangan terbang. Sambil mengucapkan selamat tinggal, kami menghulurkan lebihan wang Rupiah dengan ihsas kepada Kang Yanto. Tidak terduga pula selepas kembara ini, kami terpaksa berada dalam negara tanpa kembara setelah COVID-19 melanda seluruh dunia. Kenangan indah berada di Yogyakarta tetap terpahat di hati dan menjadi abadi dalam memori. **DB**



Perkarangan jalan Malioboro yang sentiasa sibuk dan menjadi tarikan pelancong.



Aktiviti mewarnakan batik di kawasan istana Hamingku Buwono V111.